



**KENYATAAN MEDIA**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)**  
**ADUAN TULAR MELALUI VIDEO TIKTOK @dyanamohammed3**

---

1. Pengadu Puan Diwiyana binti Mohammed sebelum ini menetap di Cheras, Kuala Lumpur telah berpindah tinggal di rumah ibu mertua di Teluk Intan sejak tahun 2019.
2. Pada 3 Februari 2022 Pejabat MAIPk Daerah Hilir Perak telah menerima permohonan bantuan bulanan daripada suami pengadu.
3. Permohonan bantuan tersebut telah diproses serta sebagai tindakan awalan bantuan segera wang tunai telah disampaikan serta merta oleh Pegawai Baitulmal Daerah Hilir Perak kepada keluarga pengadu sebanyak RM300.00 pada 23 Februari 2022.
4. Selanjutnya bantuan bulanan serta bantuan perubatan kepada ibu pengadu yang sakit terlantar akan diberikan setelah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Daerah Hilir Perak.

(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tarikh : 23 Feb. 2022